

29/08/2003

Abdul Malik Mydin

KEJAYAAN berenang merentasi Selat Inggeris yang serba mencabar oleh Abdul Malik Mydin, (gambar) 3 Ogos lalu menjadi kejayaan terbaru dalam siri kecemerlangan yang dilakukan anak watan dalam menggegarkan persada dunia.

Kejayaan merentasi perairan selat yang dingin, berarus kuat, ombak tinggi dan tiupan angin yang kencang, semuanya adalah berkat usaha keras yang tidak pernah mengenal jemu atau kalah selama hampir lima tahun, membuktikan kepada kita kejayaan pasti menanti jika setiap usaha yang dilakukan disertai semangat, kesungguhan dan komitmen tinggi, selain sentiasa redha dan bertawakal kepada Tuhan.

Daripada seorang pelumba basikal kebangsaan yang sukar mendapat tempat di dalam skuad utama negara, atlet kelahiran Pulau Pinang itu beralih haluan kepada sukan renang maraton - sesuatu yang baru di negara ini tetapi sudah diterima sebagai salah satu sukan ekstrem dan mencabar pada peringkat antarabangsa.

Segala-galanya bermula apabila anak muda kelahiran Kampung Gajah, Butterworth itu menyatakan persetujuannya untuk berenang di perairan selat Pulau Pinang untuk membantu Umno Bahagian Bagan di negeri itu mengutip derma amal Tabung Kosovo pada 1999. Tanpa latihan sistematik tetapi berbekalkan kekuatan mental, Abdul Malik dapat mengharungi ujian pertama itu sehingga tercetus impian tertinggi menakluk Selat Inggeris.

Pada awalnya, dia berdepan pelbagai dugaan kerana banyak pihak tidak berminat dan bersikap pesimistik terhadap rancangannya itu. Malah Abdul Malik pernah disindir kerana mahu melakukan 'kerja gila'. Namun dia tetap cekal dan tidak jemu-jemu naik turun tangga bagi mencari tajaan sektor korporat.

Adakalanya dia terpaksa tidur di masjid Kampung Baru kerana hanya mempunyai cukup tambang pergi dan balik dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur untuk berjumpa orang tertentu. Untuk makan atau pergi balik ke pejabat korporat di serata Kuala Lumpur, Abdul Malik terpaksa meminjam motosikal rakan kerana mahu berjimat.

Hampir dua tahun, Abdul Malik terpaksa 'merempat' semata-mata untuk mencari pihak yang sanggup menjadi penaja. Untuk memenuhi hasratnya itu, dia juga memberanikan diri menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapat sokongan.

Usahnya itu membuahkan hasil apabila Yayasan AlBukhary bersetuju menjadi penaja program Abdul Malik itu. Dalam diam-diam, dia menghubungi Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF) di England untuk membantunya.

Hanya setahun lalu, sistem latihan Abdul Malik berjalan dengan licin apabila perenang maraton Australia, John Van Wisse dilantik menjadi jurulatih, menyebabkan dia terpaksa berulang-alik ke Melbourne untuk menjalani latihan yang keras di laut yang bersuhu rendah, mencecah 7 darjah Celsius.

Tepat jam 7.50 petang atau jam 2.50 pagi 3 Ogos lalu, Abdul Malik berjaya menjejakkan kakinya di Pantai Wissant, Calais di Perancis, selepas berenang selama 17 jam 35 minit dari Pantai Abbot Cliff di Dover, England. Misi hampir lima tahun menakluk Selat Inggeris menjadi realiti.